

CNS3918

R PB 30-11 00151 BH494

ah

Mahathir - PBS

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Persekutuan tidak akan teragak-agak untuk bertindak terhadap sesiapa sahaja yang menyalahi undang-undang, walaupun tindakan itu dituduh sebagai menindas.

+Yang salah mesti dianggap salah, walau apa pun kesan politik daripadanya,+ katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Perdana Menteri membuat ingatan itu ketika menyentuh mengenai Sabah terutama mengenai usaha kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) menghasut rakyat negeri itu supaya membenci Kerajaan Persekutuan.

+Rakyat Sabah dahulu tidak pernah benci Kerajaan Persekutuan sehinggalah PBS memerintah,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO kepada 1,500 perwakilan parti itu.

Melalui +Institute for Development Studies Sabah+, berbagai-bagai perkara dibangkitkan dengan niat menimbulkan kebencian rakyat Sabah terhadap Malaysia untuk memberi kemenangan politik bagi PBS, katanya. --
lagi

♥30/11/12-28MST

Bah

Mahathir - PBS 2 Kuala Lumpur

Sekarang ini sebuah lagi institusi telah ditubuhkan di Sabah untuk +brainwash+ rakyat Sabah, kata Datuk Seri Dr Mahathir. Beliau tidak menyebut nama institusi itu.

+Penafian yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah bahawa ini bukan tujuannya, hanyalah alasan sahaja kerana dalam ucapannya kepada Perhimpunan PBS baru-baru ini, beliau membuat tuduhan yang bukan-bukan terhadap Kerajaan Persekutuan, yang menambahkan kemarahan rakyat Sabah terhadap Kerajaan Persekutuan,+ katanya.

Dengan mengalihkan pandangan rakyat Sabah daripada penyelewengan yang dibuat oleh para pemimpin mereka, PBS berharap akan terus berkuasa di Sabah, katanya.

Taktik mereka itu berjaya sehingga pemimpin-pemimpin PBS yang menyalahi undang-undang dianggap sebagai +hero+ oleh rakyat Sabah apabila tindakan diambil oleh Kerajaan Persekutuan terhadap mereka, katanya.

Perdana Menteri berkata; +Dengan ini pemimpin-pemimpin kerajaan PBS berharap mereka akan bebas untuk menyalahgunakan kuasa tanpa sebarang sekatan+. -- lagi

♥30/11/12-30MST

CNS3925

R PR 30-11 00130 BH496

Bah

Mahathir - PBS 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata, dasar Kerajaan Persekutuan terhadap Sabah adalah jelas iaitu ingin menentukan kekayaan Sabah tidak dibolot oleh orang tertentu melalui penyalahgunaan kuasa.

+Kita tidak memihak kepada sesiapa. Kita tidak mengutamakan mana-mana suku kaum atau mana-mana penganut agama,+ katanya.

Walaupun Sabah diperintah oleh PBS, Kerajaan Persekutuan tidak berniat untuk menganiaya rakyat Sabah, kata Datuk Seri Dr Mahathir.

+Semua kaum di Sabah akan diberi layanan yang sama, walaupun salurannya akan ditukar,+ katanya.

+Jika Sabah sekarang ini kekurangan hasil, sebabnya ialah kerana kerajaan PBS telah terlalu banyak mengeluarkan balak tanpa membiayai pembangunan untuk rakyat,+ katanya.

+Sepatutnya dengan hasil pengeluaran yang begitu banyak, pembangunan Sabah sama dengan Sarawak. Tetapi, jelas sekali Sabah ketinggalan,+ katanya.

-- Bernama

♥30/11/12-32MST